

Sukan Masum: USIM buka gelanggang

UNIVERSITI Sains Islam Malaysia (USIM) sudah bersedia menjadi tuan rumah Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) Fasa II yang bermula hari ini hingga 30 Mei.

Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Muhamad Muda berkata, tujuh acara iaitu bola baling, bola keranjang, catur, taekwondo, boling padang, silat dan kriket akan dipertandingkan dengan penglibatan lebih 2,400 atlet dan pegawai.

"USIM berharap Masum akan menjadi medan peralihan bagi pembangunan sukan di USIM terutama dalam acara-acara seperti taekwondo, silat dan boling padang, selain untuk menimba pengalaman dalam penganjuran acara besar seperti ini," katanya pada sidang media mengenai penganjuran temasya Masum Fasa II di Wisma MOM, Kuala Lumpur semalam.

Sukan Masum Fasa I diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) kampus Arau Perlis pada 15 hingga 20 Mei lepas dan UiTM muncul juara keseluruhan.

Sementara itu, Ketua Seksyen Pembangunan Atlet Pusat Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Hanafiah Ayub berkata, pemilihan atlet untuk ke Sukan Universiti ASEAN di Chiangmai, Thailand Disember depan, akan dijalankan melalui tiga kem pemantapan anjuran universiti itu dan badan-badan sukan berkaitan.

Beliau berkata, kem pemantapan pertama akan diadakan pada 4 Jun hingga 6 Jun depan di UPM, manakala penganjuran bagi kem kedua dan ketiga akan dijalankan antara Julai hingga November.

"Kali ini kita juga menjemput Majlis Sukan Politeknik Malaysia dan kolej swasta untuk menghantar senarai atlet dan untuk sama-sama terlibat dalam proses pemilihan," katanya.

Beliau berkata, Malaysia akan menyertai 15 acara di Chiangmai termasuk badminton, golf dan olahraga.